

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: 29 Julai 2021 14:21
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Penyelidikan Geran IPIZ Rangkul Dua Anugerah di Persidangan Antarabangsa



UUM Corporate Comm.

Universiti Utara Malaysia

29 JULAI 2021 / 19 ZULHIJAH 1442H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Berita dan gambar oleh: IPIZ UUM

PENYELIDIKAN GERAN IPIZ RANGKUL DUA ANUGERAH DI PERSIDANGAN ANTARABANGSA



Best Presenter Award

Congratulation for the Best Presenter Award at International Virtual Conference on Business, Finance, Management and Economics (BizFAME) 2021

Others: BizFAME051

NORBAYAH MOHD SUKI

ZAKAT ONLINE CAMPAIGNS USING CREATIVE ANIMATION ON SOCIAL MEDIA NETWORKS: YOUTHS' ACCEPTANCE

Best Paper Award

Congratulation for the Best Paper Award at International Virtual Conference on Business, Finance, Management and Economics (BizFAME) 2021

BizFAME051

Zakat Online Campaign Using Creative Animation on Social Media Networks: Youths Acceptance

Norbayah Mohd Suki, Norazah Mohd Suki, Muhammad Faiz Hussin Shokri

UUM ONLINE: Nama Universiti Utara Malaysia (UUM) terus gah di persada antarabangsa apabila penyelidik geran Institut Penyelidikan dan Inovasi Zakat (IPIZ), Prof. Madya Ts. Dr. Norbayah Mohd Suki dari UUM Kampus Kuala Lumpur (UUMKL) telah merangkul dua anugerah menerusi kajian penyelidikan bertajuk '*Zakat Online Campaigns Using Creative Animation on Social Media Networks: Youths' Acceptance*' di International Virtual Conference on Business, Finance, Management and Economics (BizFAME) 2021 anjuran Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah, baru-baru ini.

Beliau yang merupakan Pengarah Institute of Creative Industry Management and Sustainable Culture (ICIMSC) menerima Anugerah Pembentang Terbaik dan juga Anugerah Kertas Kerja Terbaik bersama pasukan penyelidik iaitu Prof. Ts. Dr. Norazah Mohd Suki dari Othman Yeop Abdullah Graduate School of Business (OYAGSB) dan Muhammad Faiz Hussin Shokri dari Lembaga Zakat Negeri Kedah.

Prof. Madya Ts. Dr. Norbayah berkata, penyelidikan tersebut mengkaji faktor-faktor utama yang mempengaruhi niat tingkah laku belia untuk menerima kempen dalam talian zakat yang menggunakan animasi kreatif melalui rangkaian media sosial.

Menurutnya, data dianalisis menggunakan teknik pemodelan persamaan struktur berdasarkan kovarians (CB-SEM) melalui Analisis Moment Structures (AMOS).

Katanya, hasil kajian menunjukkan bahawa pengaruh sosial mempunyai pengaruh besar terhadap niat tingkah laku belia untuk menerima kempen dalam talian zakat yang menggunakan animasi kreatif melalui rangkaian media sosial.

"Responden kajian turut menyatakan bahawa pegawai di institusi zakat telah mempromosikan zakat dengan menggunakan animasi kreatif melalui rangkaian media sosial untuk meningkatkan pemahaman mereka terhadap zakat.

"Penggunaan rangkaian media sosial dan animasi kreatif sebagai alat kempen dalam talian berpotensi besar untuk meningkatkan penglibatan belia yang bekerja sebagai pembayar zakat," katanya yang mempunyai SCOPUS h-index 13 dan sitasi SCOPUS sebanyak 477.

Tambahnya lagi, hasil penyelidikan itu merupakan *output* dari Geran Agensi Luar (Dalam Negara) Awam dari Lembaga Zakat Negeri Kedah di bawah pengurusan IPIZ UUM dan Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (RIMC).

Persidangan maya interaktif ini adalah platform yang menggabungkan pelbagai bentuk perkongsian pengetahuan dan memberikan peluang rangkaian yang luas antara ahli-ahli penyelidik di persada antarabangsa.

Sementara itu, Naib Canselor, Prof. Dato' Dr. Ahmad Bashawir Abdul Ghani merakamkan ucapan tahniah di atas kejayaan yang dikecapi penyelidik UUM itu.

Menurutnya, pencapaian itu diharapkan menjadi pendorong kepada semua ahli akademik dan penyelidik UUM untuk terus menghasilkan kajian yang memberi impak bukan sahaja kepada universiti, malahan masyarakat.

UUM
CORPORATE COMM.

☎ 04-928 3039/3040/3097/3042/3052/3048/3049
☎ 04-928 3053
✉ ukkuum@uum.edu.my
📍 Universiti Utara Malaysia (Official FB)



Please consider the environment before printing this e-mail



BACHELOR



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.